



اَوْنِيُوْرَسِيْتِي تِي كُنُوْلُو كِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

TEMUBUAL SEJARAH LISAN MENGENAI SEJARAH KAMPUNG PAYA

PULAI SEGAMAT JOHOR

BERSAMA ENCIK MOHAMAD BIN ALWI

DISEDIAKAN OLEH:

MUHAMMAD ASYRAF BIN MD YUSOF

AHMAD DANIEL BIN ZAINOL HISAM

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KHUSUS

DOKUMENTASI SEJARAH LISAN – IMR 604

SEMESTER 5 (SEPT 2017 – JAN 2018)

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	1
1.0 ABSTRAK.....	2
2.0 PENGENALAN.....	3-4
3.0 TRANSKRIP WAWANCARA.....	5-41
4.0 LOG WAWANCARA.....	42-45
5.0 RINGKASAN BIODATA PENULIS.....	46-47
6.0 BIODATA KETUA KAMPUNG.....	48
7.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA.....	49-53
8.0 KRONOLOGI.....	54
9.0 RUMUSAN.....	55
10.0 SENARAI RUJUKAN.....	56
11.0 LAMPIRAN.....	57
12.0 KATA SINGKATAN.....	58
13.0 RALAT.....	59
14.0 INDEKS.....	60-62

PENGHARGAAN

Pertama sekali syukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurnia dan izinNya maka dapatlah kami menyiapkan projek temu ramah bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan pembelajaran dalam subjek IMR604 (Oral History). Kami bersyukur kepadaNya kerana memberi kekuatan, ketabahan dan kesabaran dalam memenuhi pelbagai kesusahan dan rintangan dalam proses menyiapkan projek ini.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada encik yang telah ditemu ramah iaitu Haji Mohamad Bin Alwi, kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu ramah dan bekerjasama dengan kami dalam menyumbang idea untuk menyiapkan projek temu ramah secara lisan ini. Tanpa kerjasama dan kesudian dari pihak beliau, kami juga tidak dapat menyiapkan projek ini dengan lengkap dan sepenuhnya.

Tidak juga lupa kepada pensyarah kami, Encik Mohd Zul Azmi Bin Ishak, kerana sudi meluangkan masa berbincang dengan kami apa jua masalah yang kami hadapi sepanjang tempoh projek ini dijalankan. Terima kasih juga kepada beliau kerana tidak putus-putus memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada kami dalam menyiapkan projek ini.

Seterusnya, ribuan terima kasih diucapkan kedua-kedua orang ibu bapa kami yang juga tidak berputus asa dalam memberi semangat, membantu kami dari segi kewangan dan mendoakan kejayaan kami sepanjang projek ini dijalankan. Tidak ketinggalan buat rakan-rakan yang juga banyak menyumbangkan idea dan memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang kami menyiapkan projek ini. Juga diucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara tidak langsung sepanjang tempoh projek ini dijalankan.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

1.0 ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi temu ramah yang dijalankan pada tarikh 12 Disember 2017 pada jam 10 pagi sehingga 12.00 tengah hari. Temu ramah ini mempunyai seorang yang ditemu ramah untuk menceritakan pengalaman dan pengetahuan beliau sebagai ketua kampung terhadap Kampung Paya Pulau. Kampung Paya Pulau yang mempunyai sejarah yang tersendiri dan unik. Selain itu, Kampung Paya Pulau juga dulu dikenali sebagai Kampung Tanjung Senang yang didiami oleh orang melayu dan cina. Kampung Paya Pulau ini juga mempunyai mitos-mitos dan cerita dongeng yang dapat memberi pedoman dan juga pengajaran kepada masyarakat kini. Kini, kampung ini juga telah menjadi kampung induk kepada dua lagi kampung kecil iaitu Kampung Tensel dan juga Kampung Cabong.

Kata Kunci: Kampung Paya Pulau, mitos, sejarah, kampung induk

PENGENALAN

2.0 PENGENALAN

Sejarah merupakan peristiwa lampau yang terjadi pada satu masa dahulu dan sangat memberi impak kepada masyarakat pada zaman sekarang. Sejarah juga merupakan perkara yang harus diingati oleh generasi sekarang dan generasi akan datang untuk menjadi sumber inspirasi supaya menjadi lebih bertanggungjawab kepada negara dan bangsa. Oleh itu, sejarah lisan merupakan satu proses merekod pelbagai peristiwa bersejarah melalui temu ramah yang dilakukan di antara penemu ramah dan orang yang ditemu ramah sama ada orang yang ditemu ramah itu mengalami, mengetahui ataupun menyaksikan peristiwa yang bersejarah dan boleh menceritakan tentang perihal yang berlaku pada masa tersebut. Proses ini dilakukan untuk mengumpul maklumat-maklumat berkaitan dengan peristiwa bersejarah untuk memberikan sedikit informasi kepada pembaca-pembaca yang ingin mendalami sejarah yang berkaitan. Selain itu, proses ini dilakukan dengan merekod suara penemu ramah dan orang yang ditemu ramah untuk dibukukan atau dipindahkan ke bentuk transkrip supaya memudahkan para penyelidik mencari maklumat.

Tujuan sejarah lisan ini adalah untuk mengumpulkan maklumat berkenaan sejarah dan mitos yang berlaku terhadap sesebuah kampung dan kami telah memilih Kampung Paya Pulai dan mengupas maklumat daripada kampung tersebut. Selain itu, tujuan sejarah lisan ini juga adalah satu medium sebagai rujukan kepada generasi akan datang dan penyelidik yang ingin mendapatkan maklumat berkenaan dengan sejarah lama.

Oleh itu, kami sebagai penemu ramah berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sejarah dan juga mitos yang sangat memberi impak kepada penduduk Kampung Paya Pulai berkenaan dengan kewujudan dan keunikan Kampung Paya Pulai. Berikutan itu, kami telah menyediakan pelbagai soalan untuk di jawab orang yang ditemu ramah untuk mengumpul semua maklumat berkaitan dengan kampung tersebut. Oleh sebab keunikan yang ada pada kampung tersebut telah mendorong kami untuk mengetahui segala perkara yang berkaitan dengan Kampung Paya Pulai.

Di sini telah kami mengupas kembali segala peristiwa yang berlaku di kampung tersebut ataupun perkara yang penting seperti sejarah kampung dan mitosnya. Keunikan yang ada pada kampung itu bukan sahaja dari sejarah pembukaanya malah dari segi mitos-mitos sangat unik dan memberi kesan kepada masyarakat sekarang kerana dengan peristiwa-peristiwa tersebut. Selain itu, pihak yang telah bekerjasama dengan kami bagi menjayakan temu ramah ini adalah Ketua Kampung yang lebih arif dan tahu tentang sejarah dan mitos yang berkaitan dengan kampung ini. Sebagai orang lama serta pemegang jawatan di Kampung Paya Pulai, beliau dapat menjawab segala pertanyaan dan memberitahu dengan lebih lanjut berkaitan dengan perkara yang diperlukan untuk dibukukan.

Kesimpulannya, segala masalah yang berlaku dapat dihadapi dan diatasi oleh kami sebagai penemu ramah yang berminat untuk mengetahui berkenaan dengan sejarah dan mitos. Diharap segala maklumat yang telah dibukukan ini dapat memberikan informasi yang secukupnya kepada penyelidik dan sebagainya.

**TRANSKRIP
WAWANCARA**

3.0 TRANSKRIP WAWANCARA

Rakaman Dilakukan Bersama Encik Mohamad bin Alwi

Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Berikut merupakan rakaman wawancara sejarah lisan mengenai Kampung Paya Pulau dikendalikan [ralat] oleh ketua kampung, Kampung Paya Pulau Segamat. Rakaman ini dikendalikan di No Tujuh Puluh Sembilan [79] Kampung Paya Pulau Jalan masjid Segamat. Pada tarikh 12 Disember 2017 hari Selasa, pada jam 10 pagi. Wawancara ini dikendalikan oleh saya Muhammad Asyraf Bin Md Yusof dan sahabat saya Ahmad Daniel Bin Zainol Hisam. Dengan ini, izinkan saya memulakan wawancara tersebut. Kita mulakan dengan soalan pengenalan mengenai latar belakang diri encik Muhamad yang amat diperlukan untuk mukadimah pada temuramah ini. Diharap encik sedia menjawab segala pertanyaan yang bakal kami kemukakan ini dengan penuh kerjasama.

Daniel : Assalamualaikum Encik

Tok Mat : Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.

Daniel : Pertama sekali, aaa apakah nama penuh encik?

Tok Mat : Nama penuh saya Mohamad Bin Alwi

Daniel : aaa Boleh saya tahu nama panggilan atau nama gelaran encik yang biasa digunakan oleh orang kampung ?

Tok Mat : Nama panggilan penduduk kampung paya pulau dipanggil Tok Mat lah.

Daniel : Bolehkah saya gunakan nama gelaran itu didalam temu bual ini?

Tok Mat : Boleh.

Daniel : Berapakah umur Tok Mat sekarang?

Tok Mat : Nama [ralat] saya sekarang enam puluh empat [64] tahun.

Daniel : Bilakah tarikh Tok Mat dilahir kan?

Tok Mat : Tahun lahir tahun lima puluh tiga [53] aaa sembilan belas lima puluh tiga [1953]

- Daniel** : **Dimanakah Tok Mat dilahirkan?**
- Tok Mat : Dilahirkan dikampung Paya Pulau
- Daniel** : **Adakah Tok Mat dilahirkan di hospital atau secara tradisional?**
- Tok Mat : Secara tradisional.
- Daniel** : **Adakah Tok Mat merupakan anak jati kampung ini?**
- Tok Mat : Saya merupakan anak jati kampung ini.
- Daniel** : **Seterusnya, apakah nama penuh ibu Tok Mat?**
- Tok Mat : Nama penuh ibu saya Mesiah. Gelarah orang panggil Misih. Mesiah Binti Supiardi.
- Daniel** : **Pada tahun bilakah ibu Tok Mat dilahirkan?**
- Tok Mat : Pada tahun lapan belas [18], saya pun tak [tidak] ingatlah tarikh penuh dia. Tak [tidak] ingat.
- Daniel** : **Adakah ibu Tok Mat juga anak jati kampung ini?**
- Tok Mat : aa Dia tidak. Di kampung Sebelah. Maksud saya kampung sebelah tu [itu] Pogohlah.
- Daniel** : **Apakah nama penuh bapa encik**
- Tok Mat : Nama penuh Alwi. Alwi bin Musa
- Daniel** : **Pada tahun bilakah bapa Tok Mat dilahirkan?**
- Tok Mat : aa Tu [itu] pun tak [tidak] ingat.
- Daniel** : **Adakah bapa Tok Mat merupakan anak jati kampung ini?**
- Tok Mat : aa Tidak. Dia merantau. Dia perantau daripada India.
- Daniel** : **aa Adakah ibubapa Tok Mat masih hidup?**
- Tok mat : aaa Ibu masih hidup, bapa dah [sudah] meninggal.
- Daniel** : **Boleh Tok Mat nyatakan tahun bilakah bapa Tok Mat sudah tiada?**

Tok Mat : emm Tahun enam puluh [60] tapi dia punya tarikh sebenar tak [tidak] dapat. Tapi memang tahun enam puluh [60] lah tahun enam puluh [60] aaa Sembilan belas enam puluh [1960].

Daniel : **Beralih pula kepada adik beradik Tok Mat, Berapakah bilangan adik-beradik Tok Mat?**

Tok Mat : Adik-beradik saya seibu sebapa ada tujuh [7] orang. Yang laki-laki dua [2] yang pompuan [perempuan] ada lima [5]. Yang Laki-laki meninggal semasa saya kecil lagi. Yang perempuan sorang [seorang] meninggal. Saya pun masih kecil lagi. Jadi tinggal lima [5]. Lima [5] aaa termasuk saya lah lima [5]. Aa jadi lelaki saya sorang [seorang] lah yang empat tu perempuan yang ada sekarang.

Daniel : **Diantara adik beradik, aaaa Tok Mat, apakah pekerjaan yang dilakukan oleh mereka?**

Tok Mat : Sebahagiannya menjadi suri rumah, ada sebahagiannya jadi kakitangan kerajaan.

Daniel : **Adakah adik-beradik Tok Mat masih tinggal di kampung ini?**

Tok Mat : Yang tinggal di kampung ini ada beberapa orang sahaja. Lainnya dah [sudah] mengikut suami dia. Aaa duduk mengikut suamilah ke negeri lain.

Daniel : **aa Tok Mat merupakan anak yang ke berapa?**

Tok Mat : Anak yang ke lima [5]

Daniel : **Adakah kesemua adik-beradik Tok Mat masih hidup?**

Tok Mat : Buat masa sekarang , yang masih hidup termasuk saya , empat [4] orang sahaja. Yang seorang baru sahaja lagi, ba baru sahaja meninggal. Yang dulu [dahulu] tu [itu] meninggal masa kecil [kecil] lah. Saya masa kecil [kecil]. Yang baru meninggal ni [ini] aa saya dah [sudah] dewasalah.

Daniel : **Untuk soalan seterusnya, Berkaitan pula dengan perkahwinan Tok Mat. Apakah nama penuh isteri Tokmat?**

Tok Mat : Nama penuh isteri saya Aisyah Binti Muhamad. Berasal daripada daerah Batu Pahat.

- Daniel** : Berapakah umur isteri Tokmat?
- Tok Mat** : Sekarang dah [sudah] lima puluh lapan [58].
- Daniel** : Dimanakah isteri Tok Mat dilahirkan?
- Tok Mat** : Dilahirkan kampung Bukit Pasir Batu Pahat.
- Daniel** : Jadi isteri encik bukan anak jati kampung ini?
- Tok Mat** : Bukan
- D** : Apakah pekerjaan is isteri Tok Tok Mat ?
- TM** : Buat masa sekarang, pekerjaan sebagai suri rumah sepenuh masa.
- D** : aa, pada tahun bilakah Tok Mat mendirikan rumahtangga?
- TM** : aa pada tahun [7] tujuh puluh lapan [78].
- D** : Berapakah emmm berapa ramaikah Tok Mat dikurniakan cahaya mata?
- TM** : saya dikurniakan cahaya mata seramai Sembilan [9] orang. Empat [4] laki-laki lima [5] perempuan.
- D** : Jika tak [tidak] keberatan, boleh encik nyatakan apakah nama anak-anak encik?
- TM** : Yang pertama nama Noraini. Yang kedua Muhamad Salihin. Yang ketiga Normala. Yang keempat Norisah. Yang kelima Nur Saleha. Yang keenam Muhamad Fauzi. Yang ketujuh Muhamad Faiz. Yang kelapan Nur Faiza. Yang kesembilan Muhamad Saipudin.
- D** : Apakah pekerjaan yang dilakukan oleh anak-anak Tok Mat?
- TM** : Ada yang bekerja kerajaan, ada ramai yang bekerja sendiri.
- D** : Seterusnya, Beralih kepada soalan latar belakang pendidikan Tokmat.
- TM** : Ya
- D** : Pada tahun bilakah Tok Mat bersekolah rendah?
- TM** : bersekolah rendah tahun enam[6] aa Sembilan belas enam puluh satu [1961]

- D** : Apakah nama sekolah rendah Tok Mat?
- TM** : Sekolah Kebangsaan Pogoh.
- D** : Bagaimana pula aa pada tahun bilakah Tok Mat bersekolah menengah?
- TM** : Saya tak [tidak] dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah disebabkan aaa kegawatan hidup, sebab bapa, bapa saya meninggal semasa saya darjah satu [1]. Jadi saya menjadi hidup kesempitan hidup, saya bersekolah hanya sampai ke darjah enam [6] sahaja dan darjah lima[5] sekolah agama. Adik-adik saya. Saya majukanlah untuk sampai ke menengah dan ada yang ke lebih tinggi lagilah.
- D** : Jadi adakah encik terus bekerja atau belajar sendiri?
- TM** : Saya bekerja sambil belajar. Maksud saya bekerja sambil belajar tu [itu] saya mengikut aa kontrak aa untuk mencari ilmu bertukang. Saya minat bertukang.
- D** : Apakah pekerjaan pertama Tok Mat?
- TM** : Pe - - - Pekerjaan pertama saya menjadi seorang tukang aa yang mahir pada masa muda pekerjaan pertama.
- D** : Agak-agak Tok Mat pada tahun bilakah Tok Mat bekerja?
- TM** : Saya pernah menjawat kerja kerajaan. Pada tahun lapan puluh [80] an. Saya lupa tarikh sebenar saya menjawat kerja kerajaan sebagai tukang kebun di balai Polis Labis. Lepas tu [itu], saya tukar ke balai Polis Segamat sebagai tukang kebun juga. Pastu [selepas itu] saya berhenti, saya meneruskan cita-cita saya sebagai kontraktor.
- D** : Pada mulanya, berapakah gaji Tok Mat pada ketika itu?
- TM** : Pada mulanya gaji pertama, pada kerja sebagai tukang kebun seratus tiga puluh lima [135].
- D** : Pada masa itu, boleh Tokmat ceritakan serba sedikit tentang pekerjaan?
- TM** : Boleh.(bunyi pintu diketuk) Saya aaa sebagai tukang kebun tapi [tetapi] oleh sebab saya pandai bertukang, sayaa banyak bekerja sebagai aa kerja-kerja

tukang di balai polis mahu di Labis atau pun di Segamat. Kalau ada sahaja program-program daerah atau pun negeri, saya salah seorang yang di tugaskan untuk membuat persiapan untuk persiapan-persiapan Hari Polis aaa diperingkat daerah atau pun diperingkat negeri sebagai persediaan aa persediaan untuk menyiapkan apa sahaja kelengkapan menyambut Hari Polis.

D : **emm kita beralih pula pada masa kini, Boleh encik ceritakan, boleh Tok Mat ceritakan tentang pekerjaan terakhir Tok Mat kini?**

TM : Saya berhenti daripada menjadi tukang kebun polis pada tahun, pada tahun [berfikir sejenak] seribu Sembilan ratus Sembilan puluh [1990] ke berapa saya lupa tarikh sebenar saya berhenti. Sebab apa saya aaa tumpu minat saya kepada tukang. Saya memang minat pada tukang kayu. Aaa dan ramai sahabat-sahabat, kawan-kawan menasihati saya, kalau nak [hendak] mencari rezeki yang lebih, jadi seorang kontraktor. Sebab apa, dari segi kemajuan, apa ilmu yang saya ada tu [itu], biar saya ketengahkan menjadi kontraktor dan boleh mendapat rezeki yang lebih. Jadi saya pun, aa mendengar sahutan daripada kawan-kawan dan juga ada beberapa kakitangan kerajaan yang mahu memberi kerjasama untuk mendapatkan saya lesen sebagai kontraktor. Jadi saya pun, aa menyahut seruan tersebut. Saya mengambil keputusan, saya berhenti dan tak [tidak] berapa bulan selepas tu [itu], saya dapat lesen sebagai kontraktor. Mungkin rezeki menyebelahi saya pada masa tu [itu], aa saya menjadi seorang kontraktor yang berjaya sehinggalah hari ini.

D : **Kira-kira Tok Mat, sudah berapa lamakah Tok Mat berada dalam bidang pekerjaan kontraktor itu?**

TM : Lebih dua puluh [20] tahun.

D : **Pada tahun bilakah Tok Mat dilantik menjadi ketua kampung?**

TM : Saya, masa dilantik menjadi ketua kampung awal Sembilan belas (berfikir sejenak) Sembilan puluh [1990] kalau tak [tidak] silap. Saya jadi ketua kampung dah [sudah] lebih dua puluh lima [25] tahun .Daripada sekarang, tarikh sebenar saya tak [tidak] berapa ingat. Tapi memang tahun seribu Sembilan puluh [1990] an saya dah[sudah] jadi, dah [sudah] jadi ketua kampung. Saya berhenti kerja dalam masa tempoh setahun, kampung ini

memerlukan seorang ketua kampung. Pada masa tu [itu], rata-rata semua mencadangkan untuk saya memimpin masyarakat kampung ni [ini]. Tapi pada awalnya saya menolak.sebab apa saya nak [hendak] tumpukan sepenuh masa pada kontraktor. Tapi oleh sebab tiada siapa yang berminat pada masa tu [itu] menjadi ketua kampung, mereka mengharapkan sayalah yang mee meeemegang jawatan tersebut. Sebab pada masa tu [itu] saya ketua belia, ketua belia dan juga ketua pemuda aa Parti Politik. Jadi dia tengok saya lah yang paling sesuai. Jadi rata-rata semua mencadangkan saya dan saya takde [tiada] pilihan lain maka aa terima sahajalah jawatan tersebut dengan se apa alasan.saya minta mereka semua memberi kerjasama. Sampailah ke hari ini saya memegang ketua kampung.

D : Apakah kelayakan yang diperlukan untuk menjadi ketua kampung?

TM : Masa tu [itu], kelayakan yang diperlukan menjadi ketua kampung, aaa sekurang-kurangnya aaa sekolah sampai ke darjah enam [6] dan boleh membaca dan menulis.

D : Sudah berapa lamakah Tok Mat berkhidmat sebagai ketua kampung?

TM : Lebih dua puluh [20] tahun. Hampir dua puluh lima [25] tahun.

D : Tok Mat adalah ketua kampung yang ke berapa untuk kampung ini?

TM : Kalau ikut dia punyaaaa penjawatan yang diiii sahkan oleh kerajaan, sayalah ketua kampung yang ketiga [3] daripada wujudnya kampung ni [ini] Kampung Paya Pulau.

D : Adakah Tokmat sebenarnya memang bercita-cita untuk menjadi ketua kampung?

TM : Tidak. Saya tidak berrr berita-cita daripada saya pemaju dulu [dahulu], takde [tiada] bercita-cita menjadi seorang pemimpin tapi saya memang aaa di bangku sekolah pun lagi dah, ketokohan tu [itu] ada. Untuk kalau bercakap, saya tak [tidak] suka cakap yang , yang apa yang yang tak [tidak] berfaedah jadi aaa rakan-rakan kawan-kawan yang ada dia memandangkan saya aa cakap tak [tidak] suka cakap yang cakap kosong lah. Jadi daripada situ dorang memandangkan ketokohan tu [itu] ada.

D : Kebiasaannya, berapa lamakah tempoh seseorang itu menjadi ketua kampung?

TM : Kebiasaannya kalau tiada masalah, dengan masyarakat setempat dan bermasalah dengan apa jabatan jabatan kerajaan, dia mengikut umur tempohnya sampai ke tujuh puluh [70] tahun.

D : Boleh Tok Mat ceritakan secara ringkas peranan yang dimainkan oleh ketua kampung dan apa bidang kuasanya untuk kampung ini?

TM : Ketua kampung ialah peranannya ialah perantaraan masyarakat dengan kerajaan, menjadi telinga dan mata kerajaan. Apa semasa kita bercampur dengan masyarakat, kita cuba memainkan peranan sebab apa dalam masyarakat ada pelbagai parti siasah. Ada yang menyokong kerajaan, ada yang menentang kerajaan dan berbagai-bagai lagi karenah masyarakat. Jadi kita ditempatkan yang apa dalam masyarakat kita takleh [tidak boleh] nak [hendak] ketara sangat, kita memang orang kerajaan tapi kita secara diplomasi nak mendekati diri dengan masyarakat yang cuba menentang kerajaan. Kita cuba apa masalah mencari apa masalah yang dia tidak suka pada kerajaan. Jadi cara itu kita dapat mendekati dia dan bila ada masalah yang kita tak [tidak] dapat nak selesaikan, kita cuba bawak masalah dia ni [ini] pada peringkat yang lebih atas. Contohnya, kalau saya sebagai ketua kampung, saya bawak pada penghulu. Kalau penghulu tak [tidak] dapat selesaikan, pemimpin yang atas lagi. Contohnya pada wakil-wakil rakyat apa dan juga atas sekali pegawai daerahlah. Dan kalau ada majlis-majlis ceramah umpamanya berdialog, apa orang-orang yang seperti ini, kita cuba bawa dia bersama biar dia dapat apa mesej kerajaan yang nak [hendak] disampaikan secara jelas dan diber - - berkomunikasi [berkomunikasi] sama. Jangan kita biarkan dia melalak seorang, dia bahaya nanti dia jadi racun pada apa generasi-generasi baru. Itulah [itulah] peranan saya sebagai ketua kampung, saya tak [tidak] boleh apa menentang keras pada yang keras apa. Kita gunakan cara lembut jalannya keras.

D : Berapa banyak kampung yang dijaga oleh Tok Mat?

TM : Kampung yang saya jaga ada dua kampung, termasuk kampung saya sendiri Kampung Paya Pulai, jadi tiga kampung. Paya Pulai inilah dipanggil kampung induk. Kampung bawah pada kampung induk ialah kampung Paya Tensel. Tak ramai penduduknya. Kalau dulu [dahulu] Paya Tensel ni [ini] ada

sedikit kaum Cina. Aaa Kampung Cabong aa Kampung Cabong kebanyakannya aa majoritinya orang berketurunan bangsa Jawa. Jadi oleh sebab kerap kampung ni [ini] dilanda banjir aaa jadi berkuranglah penduduk di Kampung Cabong ni.

D : Semasa Tok Mat menjadi ketua kampung, adakah Tok Mat mengekalkan cara pentadbiran kampung seperti sebelumnya atau Tok Mat ada melakukan apa-apa perubahan?

TM : aaa Saya mengikut peredaran zaman. Aa Kalau adaaa aaa yang disarankan oleh jawatan-jawatan cara-cara yang lebih mudah, lebih baik aa kita gunakanlah cara yang lebih mudah. Kalau cara lama tu [itu] masih berkesan, kita masih guna bahasa lamalah. Maksud maksud saya aa cara lama tu [itu], kitaa biasanya nak [hendak] menyampaikan suatu mesej ke orang yang susah nak [hendak] dengar ni [ini], kita layan berbual dulu cerita-cerita lain. Aaa Lepastu baru kita sampaikan mesej apa yang kita nak [hendak] sampai.

D : Jika kampung ini mempunyai masalah, bagaimana Tok Mat selesaikan masalah itu?

TM : Kita tengok masalah yang, yang dihadapi oleh penduduk. Masalah yang dihadapi oleh penduduk tu [itu] kalau kita boleh atasi cara saya dan jawatankuasa yang boleh selesaikan, kita selesaikan. Kalau tak [tidak] boleh kita bawak ke pihak atasan.

D : Adakah Tok Mat dibantu oleh penolong atau ahli jawatankuasa dalam kampung untuk melaksanakan tugas sebagai ketua kampung?

TM : Itu sudah tentu. Sebab bila berlaku sesuatu masalah di kawasan, setiap kawasan tu [itu] ada jawatankuasa kampung. Aaa dia mengikut kawasan aa satu orang dia akan kuasa dia menjaga beberapa batang jalan aa untuk rumah-rumah yang persekitaran yang kawasan yang jawatankuasa tu [itu] jaga. Jadi kalau ada masalah, Jawatankuasa tu [itu] lah yang menyampaikan kepada saya, saya akan bersama dengan jawatankuasa tersebut untuk selesaikan masalah . Saya tak [tidak] bersendirian.

D : Boleh Tok Mat nyatakan berapa banyak jawatankuasa yang ada dikampung ini?

TM : aa jawatankuasa yang ada yang dibenarkan oleh aaa pejabat, seramai empat belas [14] bermakna lima belas [15] termasuk saya sebagai pengerusi dan empat belas [14] tu [itu] seorang daripadanya setiausaha dan lagi bendahari, yang lain tu [itu] jawatankuasa biasa. Jawatankuasa biasa ni [ini] di bahagi-bahagikan mengikut kawasan-kawasan.

D : **Bagaimana ahli jawatankuasa itu dipilih untk kampung ini?**

TM : Kita memilih ahli jawatankuasa tersebut aaa lihat pada keteria-keteriaa [kriteria-kriteria] seseorang. Ada yang orangnya keras tapi [tetapi] boleh dengar kalau kita cakap. Ada pulanya ada orang yang banyak cakap tapi aaa tak [tidak] reti buat keje [kerja]. Kadang-kadang takde [tiada] pekadah [faedah]. Jadi kita amek yang aaa sikit cakap banyak kerja, boleh bercakap boleh buat kerja, aaa kederat [kudrat] nya ada kemampuannya ada, masanya ada senang ber berrr berbincang. Haa itu yang kita amek menjadi aaa ahli jawatankuasa untuk kemajuan kampung dan keselamatan, keselamatan kampung dan kita lihat dari segi aaa aaaa keluarganya. Keluarganya biasanya yang saya ambek [ambil] daripada kalangan jawatankuasa daripada keluarga yang baik-baiklah. Bukan daripada kalangan yang tidak berapa elok aaa contohnya ada melakukan jenayah pun sama, kita tak [tidak] ambek [ambil] menjadi jawatankuasa, menjadi sebutan masyarakat nanti. Jawatankuasa ada yang kelaku tak [ridak] senonoh apa semua, kita tak [tidak] amek [ambil] menjadi sebagai jawatankuasa.

D : **Apakah aktiviti dan program yang sering dijalankan di kampung ini?**

TM : kampung ini, program yang selalu kita buat aa kita ada buat acara gotong-royong membersihkan tanah perkuburan, membersihkan persekitaran masjid dan surau. Kalau ada kematian, aa majlis kenduri kahwin, majlis-majlis kebesaran aa tahunan maulidur rasul umpamanya kita masih ada lagi program-program gotong-royong. Jadi ada jawatankuasalah memainkan peranan untuk memberitahu kawasan-kawasan yang mereka jaga.

D : **Pernah tak aaa di kampung ini mempunyai masalah jenayah yang berat?**

TM : masalah jenayah yang berat, terlalu berat tu [itu] rasa takde [tiada]. Tapi ada juga oleh sebab kampung ni [ni] berdekatan dengan bandar, jadi ada sebahagian rumah-rumah penduduk yang penghuninya dah berhijrah ke

tempat lain. Jadi rumah tu [itu] disewakan pada pendatang-pendatang luar. Jadi mereka-mereka yang pendatang ni [ini] bukan penduduk tempatan, jadi adakalanya dia punya aaa sikap tu [itu] agak kita nak kawal secara mengejut agak payah. Kadang dia ni [ini] macam liar sikit [sedikit], kita nak [hendak] jumpa pun susah. Biasanya dia ni [ini] ada masalah-masalah aaa yang kita tak [tidak] tahu, kadang diaa daripada kampung mana pun kita tak [tidak] tahu, kadang-kadang dia terlibat dengan gejala dadah. Ini kalau kita dapat tahu secara senyap-senyap, kita pun tak [tidak] bagitahu [beritahu] dengan mereka, aaa kita terus laporkan pada pihak yang berkenaan. Kalau masyarakat setempat, kita gunakan jawatankuasa, kita gunakan khidmat nasihat dulu [dahulu]. Sekiranya tak [tidak] berkesan, kita akan bagitahu pada keluarga untuk memaklumkan pada pihak yang lebih berkuasa. Itu cara kita mengatasi masalah untuk kalau kata pepatah 'menarik rambut dalam tepung, tepung tak serak rambut tak putus'. Jadi itulah [itulah] masyarakat sekarang, kita kena banyak berbahasa pada berkeras.

D : Seterusnya, apakah pencapaian Tok Mat semasa menjadi ketua kampung?

TM : Sepanjang saya menjadi ketua kampung, saya pernah diii kurniakan aa pingat aaa Ibrahim Sultan [PIS] aaa Johor pada tahun dua ribu [2000] dan pada dua ribu satu [2001] dikurniakan pingat aaa [berfikir sejenak] pingat PPN, saya pon tak [tidak] tahu maksud PPN, Pingat [berfikir sejenak] Pemangku Negara, dalam tahun dua ribuuu satu [2001]. Aa tu yang dua ribuu empat [2004] dua ribu empat [2004] dikurniakan lagi saya pingat oleh peringkat persekutuan aaa AMN. AMN [diam seketika] Ahli Mangku Negara pada tahun dua ribu empat [2004]. Pada dua ribu lapan [2008] dikurniakan lagi pingat KMN [diam seketika] Ahli Mangku Negara AMN, KMN tahu dia punya maksud dia ada pada saya punya sijil. Tulah [itula] pingat saya dapat, ada empat [4] pingat dan saya dapat jasa-jasa yang di dii anugerahkan pada sayalah aa sebagai ketua kampung.

D : Siapakah yang menganugerahkan pingat-pingat itu?

- TM : Yang memberi sokongan dan aaa sokongan pada pingat-pingat pun ialah aaa ketuaaaa politik yang ada.aaa Kalau PIS tu [itu] aaa Dun aaa pada masa tuu Dun aaa kita di Paya Pulai ni [ini] dibawah Dun Tenang aaa Tuan haji Ibrahim Bin Daud semasa tu [itu] dia menjadi aa Ahli Dewan undangan Negeri kawasan tengah dia yang mee menyokong dan meee mee meee apa untuk mendapatkan aaa dicalonkan nama sebagai penerima aa dan saya dapat anuu [itu] PPN tu [itu] disokong oleh Ahli Parlimen Sekijang, Tuan ee Datok Haji Baharom bin Ahmad. Aaa AMN pon Datuk bahrom juga dan juga KMN Datuk Baharom juga. Saya dalam masa yang sama, selain saya memegang jawatan ketua kampung, Datuk Baharom berkenan saya dilantik menjadi bendahari aaa dalam bahagian Sekijang. Bendahari UMNO dalam bahagian Sekijang sehinggalah sekarang ni [ini]. Saya dilantik menjadi bendahari daripada tahun dua ribu lapan [2008] sampai ke hari ini (Bunyi batuk)
- D : **Mengikut pendapat Tok Mat, dalam banyak-banyak pingat yang dianugerahkan kepada Tok Mat, yang pingat yang manakah paling bermakna?**
- TM : Pingat yang paling bermakna dan paling susah untuk nak memperolehi ialah PIS. PIS pangkat dua yang dikurniakan pada saya tu [itu], sangat-sangat bermakna sebab pingat daripada negeri Johor bukannya semudahnya nak dapat, bukan sewenang-wenangnya boleh didapat dan juga pingat yang tiga lagi tu [itu] daripada persekutuan pun sama juga bukan suka-suka untuk dicalonkan dan ada dia punya aaa analisis-analisis untuk yang dii pertimbangkan, dikaji dan juga untuk di seseorang yang memperolehi aaa pingat-pingat tersebut.
- D : **Seterusnya, boleh Tok Mat ceritakan sedikit apakah cabaran yang dihadapi oleh Tok Mat ketika menjadi ketua kampung?**
- TM : Cabaran jadi ketua kampung memang banyak. Kadang kala cabaran yang datang kita amek [ambil] contoh semasa kampung saya dilanda banjir besar. Semasa tu [itu], memang cabaran paling teruk aa hampir tiga suku penduduk dalam kampung Paya Pulai ditenggelami air. Aaa hanya tinggal beberapa rumah sahaja yang masih tempatnya tinggi menjadi tempat pemindahan seluruh penduduk di kamoung Paya Pulai dengan apa keadaan yang serba-serbi tak [tidak] mencukupi. Jadi kita kena menghadapi masalah tu [itu], kita cuba tenangkan aa penduduk aa sebab apa penduduk bila dalam

keadaan terdesak biasanya dia menyalahkan orang lain, dia tak [tidak] menyalahkan diri sendiri (Bunyi batuk) dan dia tak [tidak] berbalik semula kepada aaa kehendak Allah. Biasanya begitu sebabb pada masa tu [itu], dengan bekalan infrastrukturnya takde [tiada], air api takde [tiada], dengan hari hujan, dengan bekalan makanan pun susah untuk di sampaikan, jadi kita banyak menggunakan aaa kuasa yang kita ada, apa yang kita boleh kita bantu, apa yang kita tak [tidak] boleh kita aa mintak [minta] mereka-mereka ni bersabar dan kita cuba untuk menghubungi-hubungi pihak-pihak tertentu seberapa yang boleh. Aa itulah cabaran yang saya aa telah menghadapi dua kali banjir besar dua ribu sebelas [2011] dan dua ribu enam belas [2016] eh dua ribu sebelas [2011] dan dua ribu enam [2006] banjir yang paling besar. Cabaran-cabaran lain semua agak lebih mudah untuk di atasi kalau banjir ni [ini] memang putus terus hubungan dengan bekalan air takde [tiada] , api takde [tiada], bila api lama takde [tiada], perhubungan talipon [telefon] akan putus. Jadi kita guna kan asset mana yang ada kita guna dulu. Cas talipon [telefon] untuk menghubungi pihak-pihak tertentu. Dan jawatankuasa yang ada ada yang boleh masuk dengan amatur dan dalam kalangan jawatankuasa yang masuk kelab amatur. Jadi kelab amatur tu [itu] banyak membantu pada masa-masa tersebutlah. Bila aaa talipon [telefon] tak [tidak] dapat berkomunikasi, amatur boleh guna pada masa tu [itu].

Asyraf : Ok baiklah Tok Mat.

TM : ya.

Asyraf : Kita beralih pada sejarah kampung ini.

TM : hmm

Asyraf : Sudah berapa lamakah agaknya kampung ini telah wujud?

TM : Kampung Paya Pulai ni [ini] wujudnya pada awal tahun lapan belas [18]. Itupun saya bergantung pada rekod oranggg yang tua-tua dulu [dahulu]. Mengikut cerita orang tua-tua dulu [dahulu] aa pada awal lapan belas [18].

Asyraf : aaa Sebagai ketua kampung, semestinya lebih tahu tentang sejarah kampung ini. Boleh Tok Mat beri tahu bilakah kampung ini dibuka secara rasmi?

TM : Kampung Paya Pulau ni [ini] dibuka secara rasmi aaa tarikh tepatnya saya tak [tidak] dapat nak [hendak] maklum sebab yang saya tahu, pada awal tahun lapan belas [18] Kampung Paya Pulau ni [ini] dibuka sebabnya penduduk yang datang kampung ni [ini] daripada kampung-kampung sebelah dan pada masa dulu [dahulu] jalan utama untuk menghubungi kampung ni [ini] bukanlah mee mengikut jalan darat. Dia mengikut jalan air meshhh... mengikut sungai. Susur sungai nilah [inilah] menjadi laluan utama orang-orang dulu-dulu. Aaa memandangkan kampung Paya Pulau ni [inilah], aa untuk aa mudah untuk disusuri aa dia banyaklah buat pondok-pondok di tepi-tepi sungai untuk duduk sementara lama-lama menjadi kekal dan membukak [membuka] Kampung paya Pulau.

Asyraf : emm Baik lah. Sperti yang Tok Mat cerita aa katakan tadi, mereka menggunakan jalan air. Apakah pengangkutan yang digunakan pada ketika itu?

TM : semasa tuu, pengangkutan aa penghubung antaraa aaa kampung ke kampung menggunakan jalan air. Kalau aaa barang yang mudah untuk dibawak [dibawa] digunakan perahu perahu yang dibuat daripadaa pokok kayu. Kalau barang yang agak berat dia gunakan rakit.

Asyraf : Baiklah. Bagaimana pula kampung ini mendapat nama kampung Paya Pulau?

TM : Kampung ni [ini] mendapat nama Kampung emm Paya Pulau aaa kalau masa dulu [dahulu] kampung Paya pulau ni [ini] memang sebahagian tanahnya berair, berpaya aaa da ada yang dalam, airnya dalam. Jadi pokok yang banyak tumbuh didalam paya ialah pokok pulau dan banyak kampung-kampung yang berhampiran dengan Kampung Paya Pulau ni aa kalau dia nak ambek [ambil] pokok untuk dijadikan alat menangkap ikan menggunakan pokok pulau aa dia pergi ke kampung ni [ini]. Jadi termashurlah kampung ni [ini] disebut disana sini, kalau nak ambek [ambil] pokok pulau pergilah dekat paya, paya iaitu paya pulau. Jadi pokok pulau memang penuh didalam kawasan paya aa pokoknya aa taklah [tidaklah] begitu keras tapi mudah timbul didalam air. Aaa saya pun tak [tidak] dapat nak [hendak] tunjuk

pokoknya macam mana. Tapi kalau pokok tu [itu] ada, saya kenal. Sebab apa semasa saya kecik pokok tu [itu] masih ada sebatang dua lagi didalam kawasan paya. Tapi sekarang dah [sudah] hilang semua dah [sudah] dibuang. Aa tu [itu] sebab dipanggil pokok pulai.

Asyraf : aaa Tok Mat masih ingat tak [tidak], masih ingatkah siapakah yang memberi nama kepada kampung ni?

TM : aaa yang memberi namaa kampung nii [inii] paya pulai kalau tak silap saya pada masa tu [itu] aaa orang yang mula-mula buka kampung ni [ini] dipanggil nama Alam. Aaa orang pun panggil dia Tok Alam. Jadi dia beramai-ramai dengan kawan-kawan dia aa bukak [buka] kampung ni [ini] dan tinggal disini. Aaa bila dah [sudah] ada yang tinggal disini maka yang lain-lainnya datang daripada kampung-kampung sebelah dan daerah-daerah sebelah aaa tinggal. Maka Alam nilah menjadi ketua kampung bukan rasmi secara tak rasmi.

Asyraf : emm Berapa banyakkah pokok pulai pada ketika itu?

TM : Pokok pulai pada masa tu [itu] di kepap kampung paya Pulau boleh dikatakan semua kawasan berpaya penuh dengan pokok Pulau. Kalau kita nak [hendak] hitung dia punya keluasan paya paya pp kampung inii, tak kurang daripada seratus hektar kawasan paya. Jadi kawasan paya tu [itu] penuh dengan pokok Pulau. Pokok pulai ni [ini] mudah hidup, tapi kalau kita buang akar dia semua sekali, musnahkan dia mudah mati dia pokok jenis mudah mudah hidup dan mudah mati.

Asyraf : Baiklah tokmat

TM : ya

Asyraf : Masih wujudkah lagi pokok pulai dan paya dikampung ini?

TM : paya dah tak [tidak] berapaaa berair. Paya pun dah [sudah] kering oleh sebab kerajaan dah [sudah] membuat susuran air dan sungai dibesarkan, parit didalamkan. Makaa paya dah [sudah] menjadi kering, menjadi kontang. Pokok-pokok Pulau boleh mati dengan mudah dia tak [tidak] mendapat air yang cukup dan takde [tiada] lagi dah [sudah], hilang semua sekali.

Asyraf : aaa , aaa Apakah kegunaan pokok Pulau sebenarnya kepada orang kampung?

TM : Pokok pulai pada masa dulu sangat-sangat berguna pada penduduk. Kalau masing-masing yang menggunakan pukot, pokok pulailah menjadi pelampungnya. Kalau yang membuat aaa tangkapan ikan menggunakan hampai, pokok pulai juga menjadi dai punya penimbulnya. Aaa kalau membuat rakit, pokok pulailah menjadi kayunya. Dia timbul, dia lebih pada timbul daripada tenggelam seperti kayu-kayu lain. (bunyi mencelah) itulah kegunaan pokok pulai.

Asyraf : Baiklah. Selain daripada alatan pelampung, rakit dan sebagainya, ada lagi tak [tidak] kegunaan pokok pulai ini pada penduduk kampung?

TM : Pokok pulai ni [ini] diaa kalau untuk membuat rumah , tak [tidak] tahan , dia jenis pokok yang lembut, dia liat liat tapi lembut. Dia tahan didalam air tak [tidak] tahan diatas darat.

Asyraf : aaa Boleh Tok Mat gambarkan aaa bagaimana rupa bentuk pokok pulai itu?

TM : Pokok pulai dia hampir-hampir sama dia punyaa spesies dengan pokok kekabu. Aa tapi kekabu kulitnya berduri, pokok pulai kulitnya tak [tidak] berduri. Aa tulah [itulah] dia punya spesies pokoknya warna putih, kayunya macam kekabu aa kekabu dia hidup di tempat darat aa ditempat berair dia tak [tidak] berapa subur. Tapi pokok pulai dia subur tempat berair. Tu [itu] bezanya.

Asyraf : aa Adakah pokok pulai ni hanya wujud dikampung ini sahaja atau ada juga dikampung-kampung lain?

TM : Dikampung lain ada, tapi tak [tidak] lah sesubur di kampung Paya Pulai. Dikampung lain ada. Tapi tak [tidak] banyak. Dia yang paling banyak di Paya Pulai pada masa itu.

Asyraf : Baiklah. Pada awal pembukaan kampung ini, adakah penduduk disini sememangnya berasal daripada segmat ataupun sebaliknya?

TM : Penduduk kampung ni [ini] kalau dihitungkan yang betul-betul anak jati kampung ni [ini] selepas wujudnya kampung ni [ini] aa baru ada anak jatilah.

Kalau sebelum tu [itu] banyak yang datang daripada daerah Muar aa daripda kawasan kampung tengah Labis aa banyak yang penduduk meng menjadi penduduk kampung ni. Aa apabila mereka-mereka dah membuka kampung sini, dah ada yang tinggal dikampung ni [ini] maka dinamakan Kampung ni [ini] Kampung Paya Pulai dan aa masyarakat masa tu [itu] taklah [tidaklah] ramai. Dia menganggapkan ketua mereka ialah Alam. Alam tu [itu] di anggapkan ketua mereka dan apabila Alam ni [ini] meninggal, maka kerajaan nak [hendak] memilih kampung ni [ini] nak [hendak] dinamakan kampung ni [ini] maka penduduk kampung ni [ini] pun terus namakan kampung ni [ini] Kampung Paya Pulai dan naikkan anak Alam ni [ini] tadi sebagai ketua kampung iaitu namanya Haji Lasim bin alam. Tu [itu] ketua kampung yang pertama yang diiktirafkan oleh kerajaan.

Asyraf : Baiklah Tok Mat. Seterusnya, boleh Tok Mat ceritakan apakah punca orang luar datang dan berkampung aa dikampung ini pada ketika itu?

TM : aaa orang luar datang semasa kampung ni [ini] mula membangun dan menjadi. Di kawasan daratan kalau ditanam getah, getahnya subur. Kalau ditanam durian, duriannya pun menjadi. Kalau di kawasan paya, ditanam padi, padinya subur. Kalau aa (bunyi Batuk) tanah aaa pinggir-pinggir paya, sayur-sayur menjadi. Jadi pada masa tu [itu], bermulalah aaa penduduk-penduduk sekitar di datangnya daripada daerah muar, batu pahat. Batu pahat tak [tidak] ramailah. Yang ramai daripda Muar dan juga kampung tengah dan ada sedikit kampung-kampung lain menetap di kampung ni [ini] menjadilah anak kampung Paya Pulai.

Asyraf : emm aaa ket aaa Ketika itu, apakah bangsa penduduk kampung aa yang ada disitu pada ketika itu?

TM : Pada masaaa kampung ni [ini] diwujudkan, kebanyakan orang-orang melayu aa keturunan Melayu dan sedikitnya keturunan Jawa yang rajin bekerja dan sedikit-sedikit kaum Cina aa adaa kosong point satu peratus [0.1] orang Cina yang aaa suka berrr bersawah err Cina dia tak [tidak] banyak suka bersawah aa yang ada meh aa turut serta aa menjadi penduduk kampung Paya Pulai.

Asyraf : aa Seterusnya, ketika awal pembukaan Kampung Paya Pulai ini, berapakah anggaran bilangan penduduk pada ketika itu?

- TM** : aaala aa kalangan penduduk pada masa permulaan bukanya kampung ni [ini] aa hanya dalam beberapa keluarga sahaja, keluarga yang besar. Lainnya macam aaa macam aa pendatang untuk duduk sementara tu [itu] aa tak [tidak] lebih daripada dua puluh [20] keluarga. Nak mendirikan sembahyang Jumaat tak [tidak] dapat. Penduduk kampung ni [ini] kalau nak [hendak] sembahyang Jumaat terpaksa pergi ke Bandar Segamat pada masa tu [itu].
- A** : **mmm Boleh saya tahu juga, berapa banyak rumahkah telah dibina pada ketika itu?**
- TM** : masa tuu rumah boleh dikatakan aaa tiada yang besar. Kebanyakannya pondok. Aa pondok-pondok-sahaja. Dia orang tak [tidak] berkemampuan sangat.
- A** : **mmm seterusnya aa boleh Tok Mat ceritakan bentuk muka bumi Kampung Paya Pulai pada masa itu?**
- TM** : Pada masa tu [itu], kalau menurut cerita pada orang yang lebih lama yang menceritakan Paya Pulai ni [ini] kebanyakannya kawasannya rendah. Rendah berair dan sedikit sahaja yang berbukit. Aa apabila kampung Paya Pulai dah dibuka, dah dimajukan, sedikit-sedikit kerajaan memberi aa bantuan untuk membesarkan sungai, mendalamkan sungai, membersihkan parit-parit yang ada barulah kawasan yang aa berair tu [itu] mula kering dan mulalah luasnya kawasan daratan.
- A** : **Seterusnya, emmemm apakah aktiviti atau pekerjaan orang kampung ?**
- TM** : Masa tu [itu], aaa aktivitiiii orang kampung pada masa tu [itu] aaa kebanyakannya bersawah. Sebab apa kampung paya pulai banyak yang tempat yang berair yang sesuai untuk ditanam padi. Aa untuk pinggir-pinggir ke sawah, bertanam cucuk tanam sayur-sayuran dan kawasan yang berbukit ada (bunyi batuk) lah sikit tanam pokok-pokok daun dan pokok getah yang tak [tidak] tersusun. Takde [tiada] yang berkerja dengan kerajaan pada masa tu [tiada] (mencelah) dan sedikit sikit berternaklah - - -
- A** : **Seperti yang Tok Mat cakap tadi, aaa aaa seperti yang Tok Mat katakan tadi, ada yang penduduk kampung yang bercucuk tanam. Apakah jenis tanaman aa yang mereka lakukan tanaman utama?**

- TM : Tanaman utama pada masa tu [itu] kalau yang daratan ubi, keledek, pisang aaaaa itulah biasanya dia orang tanam yang mudah untuk mengeluarkan hasil.
- A : **aaa Bagaimana pula aa mereka mengutip hasil-hasil padi?**
- TM : Pada masa tu [itu], padi pada zaman dahulu dia tak ada gunakan cara teknologi sekarang. Dia gunakan tuai aa dipetik menggunakan pisau aa tertentu tu [itu] dipanggil mata tuai. Guna cara tradisional lah aa cara menuai dan cara mengirih cara menampi dan se semuanya menjadi beras menggunakan lesung ditumbuk, dijemur aa dan ditampi menjadi beras. Untuk dipasarkan pada masa dulu, takde [tiada]. dia jenis bertukar-tukar barang.
- A : **mm Baiklah aa Tok Mat. Adakah alatan yang digunakan oleh penduduk kampung ketika itu dibuat sendiri?**
- TM : Kebanyakan kalau lesung, indik dia buat sendiri dan pada masa tu [itu] memang belum ada mesin padi. Memang menggunakan lesunglah. Lesung dibuat daripada pokok kayu, ditebuk lubang, ditumbuk beramai-ramai.
- A : **mm Baiklah, kita beralih pula kepada aaa soalan kaa ketikaa aaa kampung inilah pada masa kini. Berapakah jumlah penduduk kampung pada masa kini?**
- TM : Masa sekarang dah [sudah], dah [sudah] bertambah ramai. Kalau yang dulu menjadi datuk dah sekarang ni [ini] dah melahirkan anak dan cucu. Aa kalau dulu saya menjadi cicit kepada mereka, saya pun sekarang ni [ini] dah [sudah] menjadi atuk. Jadi memang dah bertambah ramai, kalau dulu penghuninya tak [tidak] sampai dua puluh [20] keluarga, tapi sekarang ni [ini] keluarga dia dah [sudah] hampir dua ratus [200] keluarga. Aa dan penduduknya dah hampir aaa lima ribu [5000] lebih penduduk.
- A : **Baiklah, seterusnya aa kita pergi kepada mm bangsa. Padaa masa kini, adakah bangsa yang sama atau ada penambahan bangsa lain yang berada dikampung ini?**
- TM : Kalau kampung induk Paya Pulai, aa majoriti memang pada melayu aa segelintirnya Jawa aa sebahagiannya memang ada bangsa Cina dan yang paling sedikit India. Aa kalau dikawasan taman, sebahagian Kampung Paya Pulai ni [ini] dah [sudah] menjadi kawasan kerajaan tempatan dan diwujudkan

taman-taman. Taman-taman tu [itu] dah [sudah] aa ramailah orang yang bukan melayu yang mendiami aaa rumah-rumah dikawasan taman.
(mencelah) Majoriti masih melayu lagi

A : Kini aa berapakah jumlah rumah yang telah dibina dikampung ini?

TM : Dikampung nii [inii], dikampung paya pulai je [sahaja] melebihi daripada seratus lima puluh [150].

A : Baiklah, berapakah anggaran keluasan kampung ini sekarang?

TM : Keluasan kampung ini kalau kita nak hitung dari segi hektarnya, tak [tidak] kurang daripada lima ratus [500] ke lapan ratus [800] hektar persegi.

A : Baiklahh Tokmat. Adakah Tokmat emm mahu berhenti seketika?

TM : Bolehlah berhenti sekejap. Minum air ke.

Perbualan dihentikan seketika.

Perbualan disambung semula

A : Baiklah Tok Mat.

TM : Ye

A : Apakah taraf pendidikan di kampung ini pada masa kini?

TM : Pada masa kini alhamdulillah. Penduduk kampung ni [ini] ramai jugak [juga] yang aaa boleh dibanggakan akademik. Aaa anak-anak penduduk kampung ini ada yang dah baik aaa dapat aaa melanjutkan pelajaran ke aaa pengajian tinggi yang agak boleh dibanggakan, aaa di dibanggakan. Kalau buat masa sekarang ni [ini] yang menjadi DO [District Officer] Segamat, pegawai daerah ialah anak jati kampung ini aaa dan juga pernah menjadi pengarah pelajaran pendidikan negeri Melaka, Datuk Karim bin Wahab ialah anak jati kampung ini dan ada berapa-berapa orang lagi yang berasal daripada kampung ni [ini] menjadi men menjawat jawatan-jawatan yang tinggi di dalam kerajaan. Aaa tak [tidak] dapat saya nak [hendak] sebut satu persatu tapi, bolehlah saya banggakanlah di kalangan penduduk-penduduk kampung ni [ini]. Aaa jadi kebanyakan anak-anak kampung ini aaa yang dah [sudah]

memegang jawatan-jawatan tinggi, kebanyakan dah[sudah] membeli rumah di tempat-tempat yang lebih selesa dan lebih tersusun, dan sesekali dia balik kampunglah menjenguk sedara mara[saudara mara].

A :Baiklah. Aaa seterusnya, adakah aaa penduduk kampung ini mereka lebih kepada bekerja sendiri ataupun sebaliknya?

TM :Boleh dikatakan penduduk kampung ni[in] disebabkan kampungnya taklah [tidaklah] besar, hasil ekonomi kampung ni [ini] aaa taklah [tidaklah] boleh menjamin untuk keluarga. Kebanyakan mereka-mereka rumah dah [sudah] padat, banyaknya bekerja dengan syarikat swasta dan juga kerajaan. Ada yang kerja dengan kerajaan, ada yang kerja dengan syarikat swasta, ada juga yang bekerja sendiri sebagai ahli perniagaan. Aaa selebihnya tu [itu] menjadi petani aaa yang berkerja kebun-kebun yang berhampiran dengan kampung Kampung Paya Pulai.

A :Seterusnya, aaa apakah sumber ekonomi utama kampung ini pada masa kini?

TM :Sumber ekonomi utama, di kampung ni [ini] aaa pengeluaran di kampung ni [ini] memang dah [sudah] yang saya cakap tadi. Aaa oleh sebab penduduknya ramai, kawasannya yang begitu terhad aaa, kebanyakan yang masih ada lagi tanaman iaitu getah dan sawit sebahagian, sebahagiannya. Aaa selebihnya boleh dikatakan banyak dah [sudah] di dirikan bangunan rumah kediaman.

A :Aaa boleh Tok Mat aaa cerita tak berapa anggaran keluasan aaa tanah getah itu dan juga sawit di kampung ini?

TM :Aaa kalau nak [hendak] dikira tanaman yang ada di kawasan Kampung Paya Pulai ni[in], aaa tak [tidak] dicampurkan getah dan sawit dah [sudah] tak [tidak] sampai tiga ratus [300] hektar lagi luasnya aaa untuk yang di dijadikan tanaman yang selebihnya tuh [itu] dah [sudah] menjadi kawasan kediaman.

A :Aaa baiklah. Seterusnya, aaa adakah aaa penduduk kampung ini masih ramai anak jati di kampung ini?

TM :Boleh dikatakan anak jati masih belum monopoli kampung ni [ini] lagi. Sapa [siapa] aaa yang masih ada yang tinggal masih keturunan nenek moyang dia lagi masih yang menetap, bulat belum banyak lagi yang dah [sudah] kam aaa apa namanya dah[sudah] bertukar pada pemilik orang lain masih takde [tiada]lah[tiadalah] ada sebalik sebilangan kecil sahaja. Aaa yang hak milik tu [itu] dah[sudah] bertukar pada

tangan pada hak milik orang lain. Kebanyakan masih daripada turun temurun nenek moyang mereka.

A :Hmm baiklah soalan seterusnya, aaa masih ada lagikah penduduk yang daripada luar yang datang ke kampung ini dan tinggal di kampung ini?

TM :Kalau nak [hendak] dihitungkan aaa yang menyewa memang ada tapi [tetapi] bukan jadi penyewa tegar. Mereka bila[apabila] tamat kerja berkhidmat dengan mana-mana agensi aaa mereka akan meninggalkan kampung ni [ini]. Dia bukan menjadi penduduk tetap kampung ni[in]. Aaaa pasal apa dia tak[tidak] dapat memiliki aaa, sebahagian tanah kampung ni [ini], jadi mereka bila [apabila] dah [sudah] tak [tidak] bekerja mereka balik ke kampung asal lah. Kebanyakan itulah.

A :Aaaaa seterusnya, aaa adakah aaa adakah anak jati di kampung ini yang sudah berpindah keluar daripada kampung ini?

TM :Ada juga tapi [tetapi] tak [tidak] lah begitu banyak. Kita amik [ambil] contoh macam keturunan seseorang tu[itu] mempunyai bilangan keluarga yang besar. Apabila dia dah[sudah] berumahtangga dengan keee negeri lain ada sebahagiannya akan berpindah kepada kampung isterinya ataupun kampung suaminya tapi [tetapi] sebahagian keluarganya terus menetap di kampung ini.Aaaa.

A :Aaaa seterusnya,apakah aaa sebenar punca utama mereka keluar, adakah dari segi sebab pekerjaan aaa ataupun sebaliknya?

TM :Kebanyakan yang menyebabkan mereka keluar aaa sebahagiannya dia bekerja dengan kerajaan di kampung luar. Aaa dek di contohnya di negeri lain dia sebagai guru, aaa tukar di daerah lain dan daerah lain dia telah aaa mendirikan rumahtangga dan tempat yang dia duduk tu [itu] dikirakan dia dapat membeli harta dan umpamanya aaa dan dia akan menetap dekat di kawasan tersebut dan teruslah dia menjadi tempat tinggal sebagai tempat tinggal tetap mereka lah. Dia tak [tidak] tak [tidak] balik ke kampung ni [ini] sebab di kampung ni [ini] dia tak [tidak] dapat nak [hendak] meluaskan lagi dia punya kawasan kawasannya sangat-sangat terhad.

A :Ok, baiklah Tok Mat. Seterusnya kita akan beralih kepada soalan mitos yang terdapat di kampung ini. Mungkin di kampung ini terdapat kisah-kisah menarik atau mitos yang diceritakan oleh orang kampung pada zaman-zaman dahulu pada Tok Mat. Aaa bolehkah Tok Mat ceritakan adakah terdapat mitos-mitos yang di terdapat mitos-mitos di kampung ini?

TM :Kalau nak [hendak] ambik [ambil] cerita-cerita yang tak [tidak] dapat nak [hendak] dijadikan sejarah sejagat sebagai aaa mitos memang banyak di kampung ni [ini]. Kalau di mulakan cerita kampung ni [ini] pada mula-mula dibuka memang banyak cerita-cerita misteri yang terdapat di kampung ni [ini]. Kalau mengikut cerita boleh dikatakan dongeng pun boleh nak [hendak] menjadikan cerita penglipur lara pun boleh pasal tak [tidak] dapat nak [hendak] di nak [hendak] dibuktikan. Tapi [tetapi] mengikut orang tua semasa saya remaja dulu [dahulu], kalau bercerita ni [ini] saya suka aaa mengikut cerita-cerita dan membandingkan cerita-cerita boleh juga diterima akal. Kita amik [ambil] contoh, semasa dulu [dahulu] aaa penduduk-penduduk zaman dulu [dahulu] kalau dia aaa petani, bertani maksud saya bersawah atau me melak jadi peladang contohnya, mereka terdedah dengan musuh-musuh tanaman. Kalau padi terdedah dengan musuh malamnya iaitu tikus. Kalau siang musuhnya burung aaa memakan padi aaa. Kalau tanaman di daratan musuhnya ialah babi dan monyet. Jadi mnereka pada zaman doh dahulu, mereka takde [tiada] cara lain dan yang lain-lain untuk mengatasi masalah aaa tak [tidak] semasa zaman sekarang banyak cara2 moden untuk mengatasi masalah. Kalau masa dulu dorang [mereka] lebih percaya aaa dan boleh menempa kejayaan aa menggunakan cara tradisional. Kalau mereka yang bersawah menggunakan tradisional, menggunakan cara petua dan juga gunakan khidmat nasihat cara pawang aaa. Cara pawang, pawang adalah aaa menjadi pandu arah dan cara aaa langkah waktu-waktu yang sesuai untuk menggunakan kerja bersawah. Kalau pawang aaa dia ada hari-hari yang boleh mula kerja,mulaa turun ke sawah aaa pada waktunya, pada bulannya, pada hari bulannya. Kalau bulan penuh aaa kita mesti buat apa.Pada bulan gelap, and then [seterusnya] maksudnya bulan gelap ni [ini] bulan turun aaa and then [seterusnya], kita boleh buat apa. Jadi mereka-mereka pada masa tu [itu] aaa sangat mengikut nasihat-nasihat Tok Pawang aaa asalkan tak [tidak] menjalah tak [tidak] menyalahi agama sudahlah. Mereka akan ikut, kita amik [ambil] contoh ehh, kalau orang dulu dia nak [hendak] terbang pokok untuk membuat pondok atau membesarkan pondok menjadikan rumah, dia tak [tidak] boleh pada bulan naik. Dia amik [ambil] pada bulan turun. Tapi [tetapi] kalau kita pikirkan[fikir] ape ada kena mengena pokok dengan bulan naik dan bulan turun memang kita pada akal memikirkan takde [tiada] apa. Tapi [tetapi] kalau kita semak betul-betul ada benarnya. Pada bulan naik, aaa ni [ini] mereka-mereka yang tahu dan dia ada berpandu dengan masyarakat lain untuk buat kajian aaa rupanya ada betulnya. Pada bulan naik, masa bulan terang, bulan naik aaa pokok-pokok melebarkan daun dan bunga untuk menawak mendapat sinaran bulan. Pada masa tu [itu] aaa, pokok-pokok ni [ini] dia ada mengeluarkan gula aaa. Pokok ni [ini] mengeluarkan gula aaa

jadi pada waktu itulah kita tak [tidak] boleh terbang pokok. Sebab apa kalau terbang pokok pada masa itu pokok tu [itu] akan dimakan oleh anai-anai atau asai aaa. Ini pendapat orang tua-tua dulu atas nasihat Tok Pawang-Tok Pawang. Bila [apabila] buat kajian ada betulnya. Aaaa ni [ini] apabila bulan terang eh bulan gelap, aaa gula tu [itu] menjadi pahit dan menjadi pahit pada masa itulah kita terbang. Kita gunakan buat alat-alat membuat rumah dan asai anai-anai dia tak [tidak] suka pahit tu [itu] menjadi racun pada aaa serangga-serangga ni [ini]. Itu sebab orang tua-tua dulu dia pegang pada benda-benda ni [ini] aaa. Ada yang menjadi kenyataannya aaa, jadi kita nak [hendak] tolak semua pon tak [tidak] boleh ada betulnya, nak [hendak] terima semuanya pun tak [tidak] boleh ada tak [tidak] betulnya. Tapi [tetapi] kalau kita semak kalau kita bandingkan dengan pendapat-pendapat bangsa lain umpamanya orang cina dia pernah buat kajian aaa apa bezanya bulan naik, apa bezanya bulan turun dan mereka berpendapat ha itulah dia. Dia kata aaa anai-anai dia makan kayu yang keras atau lembut dia mencari gula tu [itu] sebab dia boleh hidup dalam kayu yang takde [tiada] apa-apa khasiat tapi [tetapi] yang sebenarnya ada gula. Dia makan gula dalam kayu. Aaa tu [itu] ada betulnya kita boleh terima. Jadi benda-benda macam ini kadang kita tak [tidak] tolak semua pon tak [tidak] boleh ada betulnya. Ha itu dari segi nak [hendak] terbang pokok kayu aaa serupa juga kita menanam. Menanam kalau kita nasihat daripada Tok Pawang waktu-waktu nak [hendak] turun, bulan berapa nak [hendak] turun, aaa langkahnya pukul berapa. Kalau orang dulu-dulu dia nak [hendak] mendirikan rumah, dia amik [ambil] hari bulan aaa. Berapa belas hari bulan aaa hari apa ada rejangnya. Aaa ni [ini] rejang ikan, ni [ini] rejang burung, ni [ini] rejang monyet. Apalah jadi rumah tu [itu] ada keberkatannya aaa jadi kalau kita ikut panduan-panduan tu [itu] aaa ada kebenaran-kebenarannya. Aaa jadi, banyaklah petua-petua yang kita boleh ambik [ambil] ambik [ambil] contoh kalau kita tengok orang dulu [dahulu] kehidupan dia kebanyakan kalau dia aaa me(berfikir seketika) menternak ayam sikit sebanyak dia ada cara-cara dia menternak aaa waktu bila ayam tu [itu] boleh diambil telurnya untuk dimakan. Waktu bila kalau ayam tu [itu] dah [sudah] menetas boleh diturunkan daripada sarangnya. Kalau orang dulu dia nak [hendak] turunkan ayam daripada sarangnya, semasa air turun pasang. Apa sebab kita tak [tidak] tahu. Kita pon tak [tidak] amik [ambil] tahu tak [tidak] amik [ambil] pusing sebab ada sebabnya. Kalau air turun pasang, aaa kita turunkan ayam biasanya ayam aa hidup anak ayam tu [itu] akan membesar ha. Kalau air naik pasang kita turunkan anak-anak ayam itu biasanya ayam tak [tidak] boleh hidup tak [tidak] boleh hidup lama, dia mudah mati. Aaa tapi [tetapi] aaa generasi sekarang tak [tidak] amik [ambil] tahu tak [tidak] amik [ambil] pusing sebab apa kalau kita semak balik semasa air pasang musuh-musuh air hidup

di daratan umpama biawak dan sebagainya. Dia akan makan anak-anak ayam ni [ini] ha. Apabila air surut pasang haa, biawak-biawak ni [ini] akan duduk di air balik semula. Jadi anak ayam ini akan berkeliaran ha beberapa hari selepas tu [itu] anak ayam ni [ini] akan cerdik dia boleh lari mengikut ibunya ha. Kan pedoman-pedoman ini boleh boleh kita terima aa. Kalau kita tengok sepintas lalu tadi macam takde [tiada] apa-apa. Tapi [tetapi] oleh sebab haa zaman moden ni [ini] dah [sudah] dapat diatasi masalah-masalah tu [itu] kita dah [sudah] tak [tidak] amik [ambil] kisah tapi [tetapi] orang dulu [dahulu] masih patuh tapi [tetapi] ada kebenarannya aaa dan juga orang membela burung. Kalau kita sekarang kita panggil menyiksa burung tapi yang sebenarnya orang tua dulu-dulu dia ada pedomannya. Burung kalau dia duduk dia menghadap menghala ke kemana ke utara, ke selatan, ke timur ke barat. Aaa biasanya, hala burung ni [ini] dia dapat menghidu aaa angin, angin yang membawa penyakit aaa. Dia dapat menghidu angin yang membawa penyakit. Jadi dia akan mengelak dia akan menyedut udara yang meng mengelakan penyakit. Jadi kat [dekat] situ orang tua dulu-dulu mana yang burung menghadap kat [dekat] situ dia tak [tidak] bukak tingkap atau pintu. Haa dia ada angin tak [tidak] baik yang datang. Aaa begitu juga ayam me mengeram telur. Aaa dia ada pedoman dia. Dia menghadap kemana. Kalau menghadap tu biasanya musuh akan datang daripada yang dia hadap aaa. Jadi orang tua-tua dulu dia patuh dekat situ tapi [tetapi] sekarang dah [sudah] takde [tiada] tu [itu] semua. Tapi [tetapi] kalau kita tanya semak dengan orang tua-tua kita rajin ingin tahu orang tua-tua akan cerita. Ni [ini] sebabnya ni [ini] sebabnya ni [ini] sebabnya aaa. Jadi saya pada zaman remaja saya suka amik [ambil] tahu kisah-kisah ni [ini] dari orang tua-tua. Dia suka bercerita kita tak [tidak] mempersendakan apa yang dia cerita. Jadi dia mudah menceritakan apa yang tersembunyi. Kalau kita mempersendakan apa yang dia cerita, orang tua-tua dia tak [tidak] suka bercerita pasal benda ni [ini] kalau kita nak [hendak] tengok ada dongengnya.tapi ada betulnya.

A :Aaa baiklah tok mat. Mengikut apa yang diceritakan Tok Mat tadi, boleh Tok Mat ceritakan secara ringkas apakah tugas sebenar pawang untuk kampung pada ketika itu?

TM :Dia pada masa dulu [dahulu] kalau orang dulu-dulu [dahulu-dahulu] kalau kita nak [hendak] bandingkan zaman tok[atuk] nenek moyang kita memang takut pada hospital. Kalau di hospital tu [itu] kena inject [suntik]. Kalau sakit tu [itu] agak teruk kena bedah dan sebagainya. Aaa dia memang takut sangat-sangat, jadi dia menaruh kepercayaan dan menaruh keyakinan kepada pawang-pawang pada masa tu [itu]. Pada pawang masa tu [itu] memang dia menggunakan jampi serapah dan berdoa

pada Allah, berserah kepada Allah, bertawakal pada Allah. Oleh sebab yakinnya aaa umat dia umat aaa apa aaa yakin kita kepada Allah yakinnya tadi makna maka makbulah apa yang aaa dimintak, dipohon oleh seseorang itu. Aaa kalau dulu [dahulu] kalau saya kata kan tadi, kalau nak [hendak] bertani nak [hendak] bersawah banyak gunakan pawang dan pawang akan me melihat aaa bulan apa yang patut nya turun ke sawah. Aaa dan Tok Pawang kadang kadang dia mendapat ramalan-ramalan yang tersendiri. Aaa contohnya, pada tahun tu [itu] akan menga mengalami banjir besar. Tok Pawang dah [sudah] dapat dapat alamat lebih awal aaa. Jadi penduduk-penduduk dah [sudah] diberitahu aaa kita pada tahun ini kita turun sawah lebih awal sikit pasal kita ada kemungkinan hujan akan turun dengan banyak mungkin kita mengalami banjir besar dan penduduk masa tu [itu] aaa berkeyakinan aaa aa memindahkan pondoknya ke tempat lebih tinggi bersedia lebih awal, ternak ternaknya dia dah [sudah] mula kemaskan kemaskan barang-barang yang sepatutnya dipindahkan. Dia dah [sudah] mula cari tempat-tempat yang lebih tinggi. Sebab apa penduduk masa tu [itu] banyak duduk di tempat-tempat rendah untuk mudah mendapatkan bekalan air. Masa tu [itu], banyak menggunakan air dan air perigi. Aaa masa itu dorang beranggapan air sungai yang paling bersih kerana arusnya kuat airnya lebih bersih dan jernih, ikannya banyak. Aaa makna ikan banyak ialah air yang bersih yang ada ikan banyak. Aaa kalau guna perigi ni [ini] rumah yang lebih atas sedikit daripada aaa aa sungai-sungai lain dan anak-anak sungai. Masa dulu air air sungai memang dijamin bersih sebab belum ada orang menggunakan racun-racun rumpai aaa, racun-racun serangga tu [itu] sebab airnya bersih sangat-sangat bersih jernih, tapi jauh berbeza dengan sekarang (bunyi selsema). Kalau dulu [dahulu] kalau nak [hendak] turun bersawah aaa pawang dah [sudah] dah [sudah] buatkan upacara bersawah baru mereka sama-sama turun dan kebetulan ada cara-cara tertentu pada zaman dahulu aaa dia boleh tahu hari musim panas. Masa tu [itu] lah dorang [mereka] membakar pokok-pokok padi yang dah lama dan cara menajak dan tahu pulak [pula] pada musim hujannya bila dan air pon dah [sudah] ada datang dan dorang [mereka] mula menanam dan aaa pada masa dulu [dahulu] ramai pesawah tak [tidak] macam sekarang. Sekarang boleh setahun dua[2] kali tiga[3] kali, pada zaman dahulu setahun sekali[1] sahaja untuk bersawah. Aaa padinya enam[6] bulan baru boleh petik. Aaa jadi dorang(bunyi) salah ikut arahan peraturan yang dianukan oleh Tok Pawang. Begitu juga kalau ada sakit pening pada masa dulu [dahulu] aaa alat aaa yang digunakan oleh Tok Pawang masa err pada zaman silam aaa tak [tidak] kurang daripada sireh dan juga kelapa. Kelapa ialah air penawar, sireh ialah aaa untuk dimakan untuk jadikan dia punya penawar. Aaa yang lebih-lebih tu [itu] kadang ada tokok tambah azimat tu [itu] ialah itu pahaman-pahaman

yang agak yang mencampur aduk aaa dengan ilmu ilmu hitam dan gangguan-gangguan ilmu hitam yang berlainan aaa. Macam aaa tu [itu] ada yang gunakan azimat aaa, tapi pada zaman tu [itu] ada juga yang menggunakan azimat aaa yang menggunakan nasihat-nasihat pawang. Aaa pada masa orang bersawah aaa ikan memang banyak. Bak kata pepatah itu jam nak[hendak] masak kalau takde [tiada] lauk pergi kejap dekat sungai mancing dalam masa lima[5] minit dah [sudah] dapat lauk dah [sudah] pada masa tu [itu]. Sekarang satu[1] hari belum tentu lagi dapat ikan aaa jauh bezanya dengan dulu [dahulu]. Aaa tu [itu] lah yang dapat saya ceritakan serba ringkas aaa yang yang apa berkaitan dengan orang aaa mula nak [hendak] ber ber ber apa menanam padi. Kalau dia dah menanam padi dah mula membesar cara orang mengatasi penyakit dorang [mereka] menggunakan khidmat pawang. Aaa kita masih menjadi tanda tanya apa yang pawang guna untuk mengatasi serangan serangga-serangga, serangan musuh iaitu tikus dan burung. Aaa kalau saya ceritakan memang ada dia punya dongengnya. Aaa pawang kalau kita tengok dia menggunakan cara cara err pawang. Kalau malam, kalau kita pergi ke sawah pada waktu malam kita akan jumpa beberapa ekor ular berkeliaran di sawah. Contohnya kalau kita jumpa Tok Pawang dia kata malam-malam janganlah pergi ke sawah dia kata bahaya ular banyak. Kalau kita pergi juga betul kita akan jumpa ular. Rupanya ular tu kata oleh Tok Pawang dia menjaga padi mengelak daripada serangan tikus. Tikus ada makan tapi [tetapi] berpada bukan memusnah. Makan sekadar untuk memakan, makan bukan untuk menghabiskan aaa. Bukan jadi makhluk perosak aaa dia akan makan makan untuk nak [hendak] hidup bukan makan untuk nak [hendak] merosak ha. Aaa musuh yang yang sebegitu kalau dijumpa aaa Tok Pawang akan cakap jangan marah dia kata. Dia makan makanlah jangan habiskan aaa jadi aaa yang mengawal ular. Ular kadang ketika itu ada yang besar ada yang kecil di waktu malam. Di waktu siang ada burung burung yang makan padi, jadi yang mengawal padi burung ada tapi [tetapi] ada helang tu [itu] terbang di a awang awang menjaga burung pipit yang memusnahkan padi-padi yang sedang menguning. Jadi bila burung helang ni [ini] lalu burung pipit akan berkuak jauh bahkan pergi jauh aaa dan umpama aaa pada masuk petani-petani akan memetik padi padi yang ada aaa secepat mungkin aaa. Semasa helang tu [itu] ada dan bila helang tu [itu] takde [tiada] nanti burung pipit akan datang memakan padi padi yang ada sedang menguning. Jadi tu [itu] lah pedoman pedoman yang aaa yang ada di apa di waktu itu di zaman tu [itu] menjadi satu kepercayaan orang aaa. Kita nak katakan mengarut macam benda tu [itu] aaa boleh diguna pakai nak katakan aaa tak [tidak] betul ada betulnya nak [hendak] kata betul ada tak [tidak] betulnya. Mana datang mana retinya burung helang tu [itu] diarah daripada bawah,

mana reti ular tu [itu] diarahkan cara aaa manusia mengarah. Jadi kat [dekat] situ kadang kadang kita ada yang kita kata tahyul tapi [tetapi] kita dengar sajalah cerita cerita dongeng ni [ini] tapi [tetapi] benda tu [itu] memang berlaku pada zaman dahulu. Aaa dan begitu juga aaa kalau dulu [dahulu] rumah rumah penduduk kampung aaa kebanyakannya berdingkan kulit, kulit kayu aaa beratapkan atap nipah aaa ber kayu kayu yang yang kecil [kecil] tak [tidak] lah sekuat mana. Jadi memang ada binatang binatang buas aaa. Kadang Tok Pawang beritahu pada penduduk penduduk kampung aaa untuk mengelak gangguan-gangguan binatang buas. Kalau jumpa tanda-tanda aaa binatang buas aaa jangan dimarahi aaa jangan dimaki hamun. Aaa kadang dia datang ada sebab ada tujuan dia datang aaa. Kalau datangnya harimau makna babi yang dia rimau cari tuh [itu] dah [sudah] masuk ke kampung kita. Aaa jadi aaa jadi bab babi ni [ini] memusnahkan biasanya dia akan memusnahkan ubi dan keledek, keladi umpamanya. Jadi bab babi ni [ini] memanglah dia sejenis binatang yang merosak lah. Aaa jadi kalau ada rimau [harimau] aaa kita cakap cara cakap kita dia belum ada lagi tangkap orang pada zaman zaman dulu [dahulu] belum ada sorang [seorang] pon yang kena tangkap rimau [harimau]. Aaa dia boleh dikatakan rimau [harimau] dengar kata aaa boleh dikatakan gitu la. Aaa jadi belum ada lagi rimau [harimau] tangkap orang dan babi ditangkap rimau [harimau] banyak. Banyak kesan orang-orang jumpa tinggal kepala tinggal tulang dan sebagainya. Aaa jadi kat [dekat] situ dorang pada masa tu [itu] sangat-sangat berkeyakinan pawang pada masa tu [itu] boleh aaaa sebahagiannya menjadi aaa membantu pada penduduk pada masa tu [itu]. Aaa kita amik contoh eh kalau sakit pening aaa luka, cedera umpamanya kita kena parang luka jumpa pawang aaa dia baca dengan jampi serapahnya aaa dia taruk [letak] aaa ape ni kopi pada dulu [dahulu]. Kalau ni [ini] dia taruknya [letak] kopi kat [dekat] tempat luka dia tekap lepas tu [itu] dia bungkus. Setelah beberapa hari bukak aaa tinggal kesan aje [saja] lukanya bercantum. Jadi kat [dekat] situ kita tengok ada betulnya dan kalau patah riuk di urutnya apa apa berubat ubat ada baiknya. Jadi kat [dekat] situ kita tak [tidak] boleh nak [hendak] menidakkan kebolehan Tok Pawang. Aaaa(Asyraf mencelah) sikit sebanyak yang boleh cerita kisah anu [itu] peranan pawang pada masa tu [itu] haah.

A :Baiklah Tok Mat aaa. Seterusnya, bole Tok Mat aaa beritahu pada kami siapakah nama pawang ketika itu dan bolehkah Tok mat ceritakan tentang peribadi pawang itu?

TM :Aaa pawang ni [ini] dia adik beradik pada Alam. Alam nih [ini] dia lebih cenderung pada keagamaan. Dia boleh mengajar ilmu-ilmu agama pada penduduk pada masa

tu [itu] dan yang aaa pawang nih [ini] ialah nama sebenarnya aaa Pendek. Orang menggelarnya nama Pendek ada yang mengalut mengatakan dia Idris aaa. Jadi dia nih [ini] dua[2] beradik dikenali, yang dihormati, yang disegani aaa dialah aaa menjadi tempat orang mengadu hal. Kalau masa masalah kemasyarakatan orang akan mengadu kepada Alam. Kalau masalah sakit pening mengadu kepada si pawang Pendek. Aaa memang dialah tempat orang mengadu hal kalau ada masalah masalah sebagainya dan aaa pawang ni [ini] dia kebanyakan membantu masyarakat tidak menetapkan upah ganjaran dan seumpamanya dan mereka aaa penduduk pada masa tu [itu] menilai sendiri. Dia tidak ada wang hanya memberi padi sedikit padi dan sedikit tanaman-tanaman yang ada kasi [beri] kepada Tok Pawang. Aaa tidak menentukan sebarang upah pawang pada masa tu [itu]. Aaa tu [itu] kelebihannya Tok Pawang pada ketika itu dan juga aaa ketua mereka pada masa itu yang dipanggil aaa Alam. Alam pun begitu juga, dia tidak menentukan sebarang upah sekiranya orang mintak [minta] peranan untuk khidmat nasihat mereka.

A : Haaa baiklah Tok Mat hmm. Boleh Tok Mat ceritakan aaa apakah contoh-contoh petua yang diberi oleh Tok Pawang yang masih mungkin di amalkan oleh penduduk kampung?

TM : Yelah kalau petua petua ada juga yang di amalkan. Kalau daripada dulu [dahulu] sampai sekarang kalau kita bandingkan dengan ustaz-ustaz yang ada kita bandingkan petua yang diberi aaa ada juga yang betul. Kita amik [ambil] contoh yang betul, contoh di waktu maghrib aaa kalau Tok Pawang dulu [dahulu] pesan aaa jangan berkeliaran. Di luar rumah pada masa maghrib berkeliarannya lah hantu setan [syaitan]. Bawaklah anak-anak kecil aaa duduk dalam rumah dan pintu tingkap ditutup aaa. Wak di waktu maghrib aaa jadi kalau kita bandingkan zaman sekarang memang lah aaa ustaz ustaz pun menasihatkan begitu. Betul pada waktu maghriblah hantu setan [syaitan] berkeliaran. Dia ada baiknya waktu waktu masuknya waktu maghrib kita aaa membaca surah-surah yang ditentukan umpama surah surah ayat-ayat Al-Quran dikumandangkan supaya hantu setan [syaitan] tidak dan singgah di rumah kita. Jadi benda tu [itu] ada kebenarannya aaa zaman dahulu dan zaman sekarang. Kalau zaman dahulu ada yang memakai azimat-azimat tapi [tetapi] zaman sekarang bukan azimat dipakai. Azimat tu dibaca disebut di mulut kekalkan di hati sentiasa disebut sebut aaa itu lebih berkesan daripada yang dipakai.

A :Aaaa baiklah. Seterusnya aaa apakah pandangan penduduk kampung ketika itu terhadap pawang?

TM : Pandangan penduduk kampung ketika itu terhadap pawang aaa memang dipanggil tempat mengadulah. Kalau aaa menghadapi masalah aaa mereka akan jumpa Tok Pawang kalau sakit pening kalau dah [sudah] sampai ajal tu [itu] dorang tak [tidak] boleh buat apa apa lah memang dah [sudah] sampai ajal lah. Kalau boleh lagi dia aaa ber bergantung kepada aaa kehendak Allah. Kalau dikatakan panjang umur aaa pawang ni [ini] berusaha dan berikhtiar. Pernah juga berlaku pada aaa semasa aaa semasa dulu kalau sekarang banyak orang panggil kanser payudara. Pernah berlaku pada ibu saya sendiri, ni [ini] ibu saya yang menceritakan pada zaman dulu dia kena aaa kanser payudara. Kalau dulu [dahulu] ia dipanggil barah tetek[barah payudara] bengkak dan merah. Aaa nak [hendak] pergi hospital takut, takut dibelah dan aaa sebagainya dan kebanyakkan akan aaa menemui ajal. Aaa jadi pada masa tu[itu] menggunakan khidmat pawang aaa ni [ini] mak saya sendiri cerita dia menggunakan jampi serapah sahaja aaa untuk menggunakan jarak jauh. Aaa dia nakkan nama aaa dan dia akan beritahu nanti malam kalau rasa sakit tu [itu] tahan jelah dia kata. Aaa jadi betulah aaa betul pada waktu tu [itu] malam sakit dan apabila sakit sakit sakit tiba-tiba aaa anu payudara tu [itu] keluar nanah dan darah dan dia lap lah sehingga sehingga kering. Daripada malam hingga ke pagi darah dan nanah keluar. Akhirnya bengkak yang merah tu [itu] menjadi kecut, aaa mengecik mengecik dari hari ke hari sehingga me memakan masa dua[2] atau tiga[3] hari payudara tu menjadi kecil dan normal [biasa] seperti biasa dan elok dan boleh. Dan Tok Pawang tu [itu] tanya macam mana sakit kau [awak] aaa dan pesakit tu [itu] akan cakap memberitahu dah [sudah] beransur pulih Alhamdulillah dia kata. Aaa berserah sahaja lah pada Allah dia kata haa tu [itu] saja. Dia tak [tidak] mengenakan sebarang bayaran dan kita atas menggunakan budi bicara apa yang kita ada kita sedekah pada Tok Pawang. Dia tak [tidak] menentukan bayaran haa tu [itu] kelebihan orang-orang dahulu. Aaa berbeza dengan zaman sekarang ada yang boleh guna jampi serapah ada menetapkan nilai-nilai harga aaa yang cara moden cara bedah lah. Aaa ada yang berjaya ada yang tak [tidak] berjaya. Aaa tu [itu] lah perbezaan zaman dahulu orang menghormati Tok Pawang agak lebih macam sekarang menghormati aaa pegawai perubatan lah punya cara orang dulu-dulu [dahulu-dahulu] menghormati Tok Pawang dan aaa orang sekarang menghormati doctor.

A :Aaa baiklah Tok Mat. Seterusnya, berdasarkan tentang cerita yang diceritakan oleh Tok Mat, adakah pawang ni seorang yang kuat pegangan agamanya?

TM :Kalau kita nak [hendak] nilaikan dia punya pegangan agama dari segi amalannya dari segi keturunannya memang dia orang agama. Dari segi semayangnya [solat] dia tak [tidak] tinggal pada semayangnya [solat]. Segi puasanya dia tak [tidak]

meninggalkan puasanya dan membuat puasa-puasa sunat aaa dan adik beradiknya keturunannya pun bukan orang-orang aaa yang tidak beragama, orang yang beragama. Jadi tu [itu] sebab orang masyarakat pada masa tu [itu] dahulu aaa menghormati dan mempercayai apa yang dia buat tu [itu] aaa dihargai dan disanjung, dihormati, dikenang sehingga ke hari ini.

A :Okay aaa baiklah. Seterusnya, aaa selain daripada itu ada selain daripada itu aaa Tok Mat ada amalkan lagi petua-petua dari pawang dahulu?

TM :Kalau petua yang masih saya aaa ingat petua-petua kalau cara menebang pokok aaa untuk nak [hendak] digunakan aaa untuk yang kita amik [ambil] contoh yang kita masih guna pakai zaman sekarang masa ada guna pakai. Kita nak [hendak] tebang pokok tuh [itu] untuk dibuat pagar umpamanya. Kita gunakan lah semasa kita tebang tuh [itu] biarlah aaa bulan turun, contohnya bulan turun lepas enam belas[16], tujuh belas[17], lapan belas[18] bulan turun laa haa amik [ambil] lah petua-petua tuh [itu]. Kira dua puluh[20] dua puluh[20] lebih tuh [itu] dah [sudah] cantik sangat lah aaa. Kita guna petua mana yang boleh aaa kalau kita nak [hendak] menanam tumbuh tumbuhan ada harinya. Contoh kalau tanam pokok buah-buah amik [ambil] lah hari Ahad. Dia kata hari Ahad tuh [itu] hari buah, kalau nak [hendak] tanam sayur-sayur tanam hari Rabu, katanya hari Rabu tu [itu] hari daun aaa. Mana yang boleh kita ikutlah mana yang tak [tidak] menyalahi agama. Memang tak [tidak] menyalahi agama, kalau kita tanya ustaz-ustaz pun kata tu [itu] sebenarnya takda [tiada] pape [apa]. Aaa tak [tidak] apa-apa pun aaa kita amik [ambil] contoh macam kita nak [hendak] bela ayam nijam[pada zaman ini] payah dah [sudah] bela ayam, nak [hendak] bela burung bukan masanya aaa. Kita amik [ambil] yang mudahlah aaa dia kata kalau nak [hendak] apa nak [hendak] amik [ambil] joran pancing tuh [itu] aaa kalau boleh amik [ambil] bulan melayu. Ni [ini] bulan melayu eh bukan bulan orang putih[orang inggeris] bulan melayu aaa. Kalau bulan melayu dalam empat belas[14] haribulan tuh [itu] aaa hari ikan. Jadi kalau kita nak [hendak] beli pancing belilah empat belas[14] haribulan melayu hari ikan. Jadi tu [itu] semua kebetulan, jangan kita percaya seratus[100] peratus[%]. Aaa dan ada juga yang saya belajar petua-petua orang tua ceka cara mengikat pancing. Ada aaa cara ukur pancing ikut serasi pada pemiliknya, ukur jengkal, ukur lengan aaa tu [itu] ada saya amik [ambil] aaa sikit-sikitlah tapi [tetapi] ada betulnya bukannya semua tak [tidak] betul. Yang betulnya keyakinan seseorang itu haa.

A :Baiklah Tok Mat. Aaa seterusnya aaa selain daripada cerita pawang tersebut, ada lagi cerita lain yang terdapat di kampung ini selain daripada cerita pawang?

